



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
BILANGAN 4

1. Apakah kelonggaran berhubung kompaun yang diberikan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MoTAC)?

- Kelonggaran berhubung kompaun yang diberikan oleh MoTAC kepada semua **pemandu pelancong dan pengusaha pelancongan berlesen** ialah:
 - a. **Diskaun pembayaran kompaun sebanyak 40%** kepada semua pengusaha pelancongan yang dikenakan kompaun oleh MoTAC **sebelum 31 Disember 2020**;
 - b. **Perlanjutan tempoh pembayaran kompaun sehingga 31 Disember 2020** bagi semua kompaun yang dikeluarkan kepada syarikat atau pemandu pelancong; dan
 - c. **Pengecualian kompaun** kepada pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong yang **gagal memperbaharui lesen dalam tempoh ditetapkan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan syarat permohonan lengkap perlu dikemukakan dalam tempoh 60 hari selepas tamat tempoh PKP.**

2. Siapakah yang layak menerima menerima kelonggaran ini?

- Semua **pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong berlesen** yang dikenakan kompaun oleh MoTAC dibawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]

3. Adakah pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong perlu mengemukakan permohonan pengurangan kompaun?

- Permohonan pengurangan tidak perlu dikemukakan kepada MoTAC namun pengurangan ini **hanya diberikan semasa pembayaran dibuat di kaunter Pejabat MoTAC** yang mengeluarkan kompaun tersebut.

4. Adakah pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong perlu mengemukakan permohonan perlanjutan tempoh pembayaran kepada MoTAC?

- Permohonan **tidak perlu dikemukakan** kepada MoTAC bagi semua kompaun yang dikeluarkan **sebelum 31 Disember 2020**.

5. Dimanakah pembayaran kompaun boleh dibuat?

- Pembayaran kompaun hanya boleh dilakukan **melalui wang pos/ draf bank** atas nama Pesuruhjaya Pelancongan di Pejabat MoTAC yang mengeluarkan kompaun tersebut.

6. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa pembayaran kompaun dibuat?

- Pengusaha pelancongan atau pemandu pelancong perlu mengemukakan borang tawaran kompaun dan salinan *invoice* berserta dengan wang pos/ draf bank semasa membuat pembayaran.

7. Adakah diskaun 40% kompaun ini terpakai kepada pengusaha pelancongan atau pemandu pelancong yang telah mendapat pengurangan namun masih belum membuat pembayaran?

- Diskaun 40% ini **tidak terpakai** kepada pengusaha pelancongan atau pemandu pelancong yang **telah mendapat pertimbangan pengurangan kompaun sebelum PKP**.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
14 MEI 2020